

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. NOOR AZMI GHAZALI [BAGAN SERAI]**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk melindungi golongan warga emas dan bagaimana usaha untuk meningkatkan kualiti hidup mereka baik dari aspek kesihatan mahupun sosial, memandangkan bilangan warga emas dalam kalangan negara-negara ASEAN dijangka meningkat dari 24 juta pada 2020 ke 58 juta pada 2025.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Di Malaysia, warga emas merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai oleh *United Nations World Assembly on Ageing* di Vienna, Austria (1982). Bilangan golongan warga emas pada tahun 2015 adalah seramai 2.77 juta orang atau 9.09% daripada 30.49 juta penduduk Malaysia. Berasaskan unjuran yang dibuat, Malaysia dijangka mencapai status negara tua pada tahun 2035 apabila 15% daripada jumlah penduduk merupakan warga emas. Berasaskan unjuran yang sama, warga emas di Malaysia pada tahun 2035 adalah seramai 5.589 juta orang.

Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara yang telah diluluskan pada 5 Januari 2011 merupakan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup warga emas dalam pembangunan negara. Sebanyak enam (6) strategi dibentuk untuk mencapai objektif dasar tersebut.

Salah satu daripada strategi ini iaitu Keselamatan dan Perlindungan merupakan strategi untuk menjamin hak dan akses warga emas kepada keperluan asas, keselamatan sosial dan perlindungan daripada pengabaian, penganiayaan serta penderaan yang dijamin di bawah peruntukan undang-undang. Antara pendekatan yang diberi penekanan dalam strategi ini ialah mengurangkan kebergantungan ekonomi dalam kalangan warga emas, memperkukuhkan skim perlindungan sosial untuk kumpulan warga emas yang memerlukan (*vulnerable*), memastikan warga emas hidup dalam persekitaran selamat dan mesra warga emas dan meningkatkan kesedaran mengenai isu penganiayaan dalam kalangan warga emas.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam aspek penjagaan kesihatan warga emas, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan perkhidmatan kesihatan warga emas sejak kira-kira 20 tahun lalu. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di klinik-klinik kesihatan Kerajaan adalah pendidikan kesihatan, saringan, perawatan, rehabilitasi serta penubuhan kelab-kelab warga emas untuk melaksanakan aktiviti rekreasi, sosial serta kebajikan.

KKM juga menyediakan perkhidmatan di luar daripada klinik-klinik kesihatan serta hospital iaitu *outreach* program termasuk di institusi-institusi jagaan warga emas serta Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (*Domicilliary Healthcare Service*). Perkhidmatan Perawatan Domisiliari yang dimulakan pada Julai 2014, adalah fokus untuk pesakit *stroke*, *Traumatic Brain Injury* dan *Spinal Cord Injury*, yang didiscaj dari hospital dan dirujuk ke Pasukan Perkhidmatan Perawatan Domisiliari di klinik kesihatan yang terpilih. Perkhidmatan ini diberi kepada pesakit terlantar yang stabil dan mempunyai penjaga yang sedia belajar serta mengambil alih penjagaan.

Demi menghargai sumbangan bakti warga emas kepada negara, Kerajaan juga telah memberi perkhidmatan pesakit luar secara percuma untuk warga emas di klinik-klinik kesihatan dan juga di klinik pakar hospital kerajaan. Bagi warga emas yang dirawat dalam wad kelas tiga hospital-hospital kerajaan, caj maksimum yang dikenakan adalah hanya sebanyak RM 250 sahaja.

Tuan Yang Dipertua,

Program *1Malaysia Family Care* juga merupakan antara inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) 7 yang melibatkan

kolaborasi antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan KKM. Program ini berteraskan kepada gabungan perkhidmatan kesihatan dan sosial melibatkan penyertaan sukarelawan melalui Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*).

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menawarkan perkhidmatan sosial berbentuk bantuan kebajikan dan kewangan seperti Bantuan Orang Tua (BOT), penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), penjagaan warga emas di institusi seperti Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan serta program pemerksaan ekonomi warga emas. Hingga kini seramai 25,307 orang warga emas telah mendaftar di PAWE. Bagi menampung permintaan warga emas yang semakin meningkat, Kerajaan bercadang untuk mewujudkan 222 buah PAWE di setiap kawasan Parlimen secara berperingkat (1 Parlimen, 1 PAWE). Selaras dengan itu, melalui RMK 11 (*Rolling Plan Pertama*) JKJ telah memohon peruntukan pembelian bangunan bagi mewujudkan 10 buah PAWE dengan kos RM 5 juta untuk setiap PAWE.

Tuan Yang Dipertua,

*Respite Care* adalah perkhidmatan alternatif kepada waris/penjaga untuk menempatkan secara sementara warga emas dalam jagaannya di institusi bagi suatu tempoh tertentu, disebabkan tuntutan tugas di luar kawasan atau negara, atau apa-apa sebab yang memerlukan warga emas ditempatkan di institusi dengan jaminan keselamatan. Perkhidmatan *Respite Care* merangkumi jagaan dan perlindungan kepada warga emas di samping pengurusan dan penyediaan keperluan asas seperti makanan, kesihatan dan tempat tinggal di institusi.

Pada masa ini, perkhidmatan ini akan disediakan di Rumah Seri Kenangan (RSK), Cheras. RSK Cheras dipilih memandangkan lokasi RSK Cheras yang berhampiran kawasan pekerjaan, selain persekitaran yang sesuai untuk pelaksanaan perkhidmatan *Respite Care* ini.

Komitmen Malaysia terhadap warga emas juga dibuktikan apabila Malaysia selaku Pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN pada tahun 2015 telah membincangkan isu berkaitan warga emas yang merupakan isu rantau ASEAN dalam *Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development (SOMSWD)*. Selaras dengan jumlah populasi warga emas di ASEAN yang dijangka akan meningkat dari 59.5 juta pada 2015 kepada 127 juta pada tahun 2035 dan isu warga emas yang semakin mencabar, suatu pelan tindakan serantau perlu diadakan bagi

memperkasakan warga emas. Sehubungan itu, satu deklarasi bertajuk "*Empowering Older Persons in ASEAN*" akan diangkat untuk pertimbangan dan persetujuan Ketua-Ketua Negara ASEAN sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN kali ke 27 dari 19 hingga 21 November 2015.

Selain itu, dalam usaha memahami dan mendalami isu dan cabaran yang dihadapi oleh warga emas, satu kajian bertajuk "Kemudahan dan Perkhidmatan Bagi Menepati Keperluan Warga Emas Di Malaysia Menjelang 2030" sedang dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia bermula September 2015 hingga September 2016.

Tuan Yang Dipertua,

KPWKM yakin bahawa Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara merupakan satu bentuk garis panduan dalam merencana peningkatan kualiti hidup warga emas bukan sahaja dari aspek kesihatan dan sosial malah ia turut merangkumi semua aspek berkaitan warga emas. Seiring dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, adalah diharapkan agar kesedaran masyarakat umum tentang kepentingan tanggungjawab menjaga warga emas akan meningkat bagi memastikan tanggungjawab ini digembleng secara bersama antara Kerajaan dan ahli masyarakat.